

03/05/2001

Ekonomi Melayu, pendidikan diutama

KUALA LUMPUR: Usaha membaiki kedudukan ekonomi dan pendidikan orang Melayu adalah antara perkara yang termaktub dalam memorandum hasil perhimpunan `Tak Akan Melayu Hilang Di Dunia' anjuran Barisan Bertindak Melayu (BBM), Februari lalu.

Memorandum setebal 40 muka surat bertajuk `Kepentingan Melayu' itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad oleh Pengerusi Jawatankuasa Petugas Khas Kepentingan Melayu, Tun Ghafar Baba.

Ketua Penyelaras BBM, Datuk Ibrahim Ali, berkata kepada pemberita di sini, semalam, beliau akan menulis kepada Dr Mahathir Isnin ini mengenai hasrat untuk menyerahkan memorandum itu.

(END)